

502 pelajar baru ikuti program diploma mendaftar di UMP

UM (Kl) baru 8/6/11 ms26

KUANTAN 7 Jun - Seramai 502 pelajar baharu mendaftar bagi pengajian diploma di Kompleks Sukan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini baru-baru ini.

Pada sesi tahun ini, UMP menawarkan lima program diploma iaitu Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Mekanikal,

Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses), Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri) dan Diploma Sains Komputer.

Menurut Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, pendaftaran kali ini melibatkan pelajar diploma sahaja, manakala bagi peringkat ijazah sarjana muda, kumpulan

itu akan mendaftar pada 4 September.

Katanya, ia berikutan perubahan kalendar akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

"UMP buat pertama kalinya memulakan pengajian program diploma dengan semester permulaan untuk tiga subjek elektif iaitu bahasa Inggeris,

Kemahiran Insaniah dan Ko-Kurikulum Briged Siswa dengan empat kredit dalam tempoh tiga bulan.

"Secara tidak langsung, universiti itu dapat menyelaras kalendar akademik bagi pengajian bermula September ini serentak dengan pelajar diploma dan ijazah," katanya di sini baru-baru ini.